

Kosmo  
13/7/17  
m/s-13



Wan Muhammad Hazim terkilan tidak penuhi permintaan bapa

# Jadi sebatang kara sekelip mata

**JEMPOL** – Seorang remaja tidak menyangka kehidupannya menjadi sebatang kara dalam sekelip mata selepas seluruh ahli keluarganya rentung dalam nahas membabitkan empat buah kenderaan di Kilometer 25, Jalan Bahau-Keraton dekat sini petang kelmarin.

Lebih memilukan, Wan Muhammad Hazim Wan Mohd. Fauzi, 19, buat pertama kalinya akan menyambut Hari Raya Aidilfitri tanpa ibu, bapa dan adik-beradik seperti lazimnya pada sambutan-sambutan Syawal sebelum ini.

“Saya jadi takut dan hanya menangis waktu itu (bila mengetahui kemalangan menimpa keluarga). Seorang sepupu yang memaklumkan kejadian itu kepada saya. Malah, anggota polis juga datang ke rumah di Putrajaya memaklumkan perkara yang sama kira-kira pukul 6 petang.

“Hati saya begitu luluh apabila melihat siaran berita di televisyen pada pukul 8 malam memaparkan kisah kemalangan tersebut yang melibatkan ibu, bapa dan adik-beradik saya,” kata Wan Muhammad Hazim dalam nada sebak ketika ditemui di Hospital Jempol lewat malam kelmarin.

Wan Muhammad Hazim yang menjalankan perniagaan sendiri turut tidak dapat menyembunyikan rasa kesal yang terbuku dalam hatinya kerana tidak memenuhi permintaan bapanya, Wan Mohd. Fauzi Wan Ibrahim, 51, sebelum kemalangan itu berlaku.

Katanya, bapanya meminta dia menyertai semua ahli keluarga menghantar adiknya, Wan Norathirah, 18, yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) masalah pembelajaran ke Se-

## INFO GRAFIK kemalangan di Jalan Bahau-Keraton



- 1 Sebuah treler dari arah Keraton menuju ke Bahau terbabas ketika cuba memotong sebuah motosikal ketika tiba di lokasi kejadian.
- 2 Sebuah Perodua Myvi dari arah bertentangan cuba mengelak treler tersebut sebelum memasuki laluan bertentangan dan bertembung dengan Toyota Vios
- 3 Proton Exora yang mengejar Myvi itu pula terbabas dan melanggar treler berkenaan lalu terbakar



FAUZI



MASNORAIDA



AMAR



NORATHIRAH



MUHAIMIN



**WAN MUHAMMAD HAZIM** (tengah) ditenangkan oleh anggota keluarga ketika datang melihat jenazah ibu, bapa serta adik-beradiknya di Hospital Jempol malam kelmarin.



**KERATAN** akhbar *Kosmo!* semalam.

kolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan, Pahang.

“Bapa meminta sebanyak dua

kali supaya saya menyertai mereka. Saya tidak menyangka kejadian ini akan berlaku. Kini, saya serba salah sebab tidak ikut serta keluarga saya ke Kuantan.

“Saya juga terkilan sebab tidak dapat menukai janji yang dibuat sebelum bulan puasa ini untuk membelikan ibu, Masnoraida M. Yusoff, 45, (yang bekerja di Pejabat Tanah dan Galian Putrajaya) sebuah kereta jenis Honda,” katanya penuh kesal.

Selain Wan Mohd. Fauzi, Masnoraida serta anak-anak mereka, Wan Muhammad Muhaimin, 22; Wan Norathirah, Wan Muhammad Amar Haziq, 13; dan Wan Noralesya, 7, terkorban dalam kemalangan itu. Turut terbunuh ialah Osman Mohamed Taip, 31, serta Rosniza Othman, 32.